

PMBOA jangka ramai pengusaha bas akan muflis

UM - 4 NOV 2001

KUALA LUMPUR 3 Nov. — Ramai pengusaha bas di negara ini akan muflis jika kerajaan tidak membenarkan kenaikan tambang selari dengan peningkatan harga diesel dan petrol.

Presiden Persatuan Pengusaha-Pengusaha Bas Se-Malaysia (PMBOA), Tun Sulaiman Ninam Shah berkata, peningkatan harga diesel sebanyak 15 sen seliter sejak tahun lalu telah memberi kesan besar terhadap kos operasi sehinggakan banyak syarikat mengalami kerugian besar.

Katanya, langkah persatuan itu menuntut kenaikan tambang adalah wajar demi memastikan sektor pengangkutan bas tidak terjejas.

Kalau boleh kami memang tidak mahu langsung menaikkan tambang seperti yang dihasratkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

“Tetapi kami sekarang berada dalam kesusahan dan hanya boleh mengelakkan kenaikan itu dengan syarat kerajaan memberi subsidi,” katanya kepada *Mingguan* hari ini.

Kata Sulaiman, soal tambang bas tidak akan menjadi isu jika kerajaan tidak mengumumkan kenaikan bahan bakar tersebut.

Bagaimanapun katanya, masalah itu mudah diselesaikan iaitu melalui pemberian subsidi minyak kepada syarikat bas melalui syarikat minyak.